



KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA
INDEKS PENGELOUARAN PERINDUSTRIAN, MALAYSIA
APRIL 2023

Indeks Pengeluaran Perindustrian Malaysia menyusut 3.3 peratus pada April 2023, dipengaruhi penurunan dalam kesemua sektor

PUTRAJAYA, 9 Jun 2023 – Indeks Pengeluaran Perindustrian Malaysia menyusut 3.3 peratus pada April 2023, dipengaruhi penurunan dalam kesemua sektor. Jabatan Perangkaan Malaysia melaporkan dalam keluaran **Indeks Pengeluaran Perindustrian (IPP), Malaysia, April 2023** pada hari ini. Penerbitan ini memaparkan statistik IPP yang terdiri daripada tiga sektor iaitu Perlombongan, Pembuatan dan Elektrik.

Menurut Jabatan Perangkaan Malaysia, IPP menurun kepada negatif 3.3 peratus pada April 2023 berbanding positif 3.2 peratus yang dicatatkan pada bulan sebelumnya. Penurunan pada April 2023 adalah berikutan penguncutan dalam kesemua sektor, iaitu Perlombongan dengan negatif 4.9 peratus (Mac 2023: 0.8%); Pembuatan dengan negatif 3.0 peratus (Mac 2023: 4.1%); dan Elektrik dengan negatif 2.0 peratus (Mac 2023: 0.4%). Berbanding dengan bulan sebelumnya, IPP merosot 10.8 peratus selepas mencatatkan pertumbuhan 8.4 peratus pada Mac 2023.

Kemerosotan sektor Pembuatan sebanyak 3.0 peratus pada April 2023 merupakan penyusutan kali pertama sejak Julai 2021, dipengaruhi terutamanya oleh penurunan 3.5 peratus dalam industri berorientasikan eksport (Mac 2023: 3.6%). Di samping itu, penguncutan industri berorientasikan eksport pada April 2023 adalah yang pertama direkodkan dalam tempoh 34 bulan, berikutan penurunan dalam Pembuatan produk getah sebanyak 16.5 peratus dan Pembuatan komputer, elektronik & produk optik yang mencatatkan negatif 1.8 peratus. Pada masa yang sama, industri berorientasikan domestik merekodkan penurunan 2.1 peratus disebabkan terutamanya oleh Pembuatan kenderaan bermotor, trailer dan semi-trailer (-15.5%); Pembuatan minuman (-5.5%) dan; Pembuatan produk prosesan makanan (-4.9%). Bagi perbandingan bulan ke bulan, sektor Pembuatan menguncup 11.4 peratus selepas mencatatkan 7.8 peratus pada Mac 2023.

Pengeluaran dalam sektor Perlombongan menyusut 4.9 peratus pada April 2023, dipengaruhi oleh kemerosotan berterusan dalam indeks Gas Asli dengan 7.8 peratus dan kejatuhan marginal 0.9 peratus dalam indeks Minyak Mentah & Kondensat. Berbanding Mac 2023, indeks Perlombongan mencatatkan penurunan dua digit 10.7 peratus berbanding kenaikan 8.5 peratus yang direkodkan pada Mac 2023.

Begitu juga dengan pengeluaran Elektrik yang berkurang 2.0 peratus pada April 2023 selepas merekodkan sedikit peningkatan 0.4 peratus pada Mac 2023. Bagi perbandingan bulan ke bulan, indeks Elektrik turun 4.8 peratus berbanding pertumbuhan positif 15.1 peratus yang dicatatkan pada bulan sebelumnya.

Bagi empat bulan pertama 2023, IPP menyederhana kepada 1.3 peratus berbanding tempoh yang sama pada 2022. Pada tempoh tersebut, indeks Pembuatan dan Perlombongan masing-masing meningkat sebanyak 1.8 peratus dan 0.3 peratus, manakala indeks Elektrik jatuh 1.2 peratus.


Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) sedang menjalankan Banci Ekonomi pada tahun 2023. DOSM amat menghargai kerjasama daripada responden dalam memberikan maklumat kepada DOSM serta menjayakan binci ini. Sila layari www.dosm.gov.my untuk maklumat lanjut.

DOSM telah melancarkan OpenDOSM NextGen sebagai medium yang menyediakan katalog data dan visualisasi bagi memudahkan pengguna menganalisis pelbagai data. OpenDOSM NextGen ialah platform perkongsian data sumber terbuka dan boleh diakses melalui portal <https://open.dosm.gov.my>.


Dimaklumkan bahawa Kerajaan Malaysia telah mengisytiharkan Hari Statistik Negara (MyStats Day) pada 20 Oktober setiap tahun. Tema sambutan MyStats Day adalah “*Connecting the World with Data We Can Trust*”

DOSM akan mengeluarkan Anggaran KDNK Awalan bermula pada suku tahun kedua 2023. Anggaran awalan ini merupakan inisiatif yang dilaksanakan oleh DOSM untuk memberikan gambaran prestasi ekonomi empat (4) minggu awal sebelum KDNK Suku Tahunan dikeluarkan.


**Carta 1: Prestasi Indeks Pengeluaran Perindustrian,
April 2022 – April 2023**




**Carta 2: Pertumbuhan Indeks Pembuatan Mengikut Subsektor,
Mac 2023 dan April 2023**




Carta 3: Prestasi Indeks Pembuatan Mengikut Industri Berorientasikan Eksport dan Domestik, April 2022 – April 2023



Carta 4: Pembuatan Berorientasikan Eksport Mengikut Kumpulan, Mac 2023 dan April 2023



Carta 5: Pembuatan Berorientasikan Domestik Mengikut Kumpulan, Mac 2023 dan April 2023



Dikeluarkan oleh:

JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA
9 JUN 2023



MINISTRY OF ECONOMY
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA

MEDIA STATEMENT
INDEX OF INDUSTRIAL PRODUCTION MALAYSIA
APRIL 2023

Malaysia's Industrial Production Index contracted by 3.3 per cent in April 2023, weighed down by all sectors

PUTRAJAYA, 9 June 2023 - Malaysia's Industrial Production Index contracted by 3.3 per cent in April 2023, weighed down by all sectors. The Department of Statistics, Malaysia (DOSM) reported today on the release of the **Industrial Production Index (IPI), Malaysia, April 2023**. This publication presents IPI statistics, consisting of three sectors namely Mining, Manufacturing and Electricity.

According to the Department of Statistics Malaysia, the IPI turned downward to negative 3.3 per cent in April 2023 as against positive 3.2 per cent recorded in the preceding month. The decrease in April 2023 was attributed to contraction in all sectors, namely Mining with negative 4.9 per cent (March 2023: 0.8%); Manufacturing with negative 3.0 per cent (March 2023: 4.1%); and Electricity with negative 2.0 per cent (March 2023: 0.4%). In comparison with the preceding month, the IPI declined by 10.8 per cent after registering a growth of 8.4 per cent in March 2023.

The deterioration of the Manufacturing sector by 3.0 per cent in April 2023 was its first contraction since July 2021, mainly influenced by the decline of 3.5 per cent in export-oriented industries (March 2023: 3.6%). In addition, the contraction of export-oriented industries in April 2023 was the first recorded in 34 months, attributable to the decline in the Manufacture of rubber products by 16.5 per cent and the Manufacture of computers, electronics & optical products which posted a negative 1.8 per cent. In the meantime, the domestic-oriented industries recorded a fall of 2.1 per cent particularly attributed to the Manufacture of motor vehicles, trailers & semi-trailers (-15.5%); Manufacture of beverages (-5.5%); and Manufacture of food processing products (-4.9%). A month-on-month comparison, the Manufacturing sector shrank by 11.4 per cent after registering 7.8 per cent in March 2023.

The production in the Mining sector slowed by 4.9 per cent in April 2023, weighed down by a continuous downturn in the Natural Gas index by 7.8 per cent and a marginal drop of 0.9 per cent in the Crude Oil & Condensate index. As compared to March 2023, the Mining index posted a double-digit decline of 10.7 per cent as compared to an increase of 8.5 per cent recorded in March 2023.

Similarly, the Electricity output dropped by 2.0 per cent in April 2023 after recording slight growth of 0.4 per cent in March 2023. In a month-on-month comparison, the Electricity index weaken by 4.8 per cent as against positive growth of 15.1 per cent recorded in the preceding month.

For the first four months of 2023, the IPI moderated to 1.3 per cent as compared to the same period of 2022. During the period, the Manufacturing and Mining indices increased by 1.8 per cent and 0.3 per cent respectively, while the Electricity index went down by 1.2 per cent.


The Department of Statistics Malaysia (DOSM) is conducting the Economic Census in 2023. DOSM greatly appreciates the cooperation of respondents in providing information and ensuring the success of this census. Please visit www.dosm.gov.my for more information.

DOSM has launched OpenDOSM NextGen as a medium that provides a catalogue of data and visualisation to facilitate users in analysing various data. OpenDOSM NextGen is an open source data sharing platform and accessible through <https://open.dosm.gov.my> portal.

Please be informed that the Government of Malaysia has declared National Statistics Day (MyStats Day) on October 20 each year. MyStats Day theme is “Connecting the World with Data We Can Trust”.

DOSM will release Preliminary GDP Estimates commencing the second quarter of 2023. This preliminary estimate is an initiative by DOSM to provide an overview of the economic performance four (4) weeks in advance before the Quarterly GDP is released.

**Chart 1: Performance of Industrial Production Index,
April 2022 – April 2023**



**Chart 2: Manufacturing Index Growth by Subsector,
March 2023 and April 2023**




Chart 3: Performance of Manufacturing Index by Export and Domestic Oriented Industries, April 2022 – April 2023






Chart 4: Manufacturing Export-Oriented by Group, March 2023 and April 2023



**Chart 5: Manufacturing Domestic-Oriented by Group,
March 2023 and April 2023**



Released by:

DEPARTMENT OF STATISTICS, MALAYSIA
9 JUNE 2023